



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**05 NOVEMBER 2018 (ISNIN)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Sinar Harian</b>	
- Bincang isu rumah minggu depan	21
<b>The Star</b>	
- Residents against hillslope development	04
<b>Kosmo</b>	
- POLEMIK LAMBAKAN SISA PLASTIK BERACUN	21-23



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**05 NOVEMBER 2018 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bincang isu rumah minggu depan
Muka Surat	21



Zaini (kiri) bersama penduduk membantah projek pembinaan rumah di cerun.

## Bincang isu rumah minggu depan

24/5/18 MS 21

AMPANG – Satu perbincangan di antara pemaju, penduduk dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan diadakan pada minggu depan.

Ia susulan aduan penduduk di kawasan perumahan Ukay Perdana, Ampang membantah projek pembinaan rumah teres dua tingkat di kawasan cerun bukit berhampiran rumah mereka.

Ahli Majlis MPAJ, Suzana Saharudin berkata, beliau turut menyarankan penduduk menubuhkan jawatankuasa bertindak yang terdiri daripada individu berpengetahuan mengenai isu berkenaan bagi memudahkan kedua-dua pihak berkomunikasi kerana merangkumi aspek teknikal pe-

rancangan pembangunan di kawasan cerun.

“Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain sudah dimaklumkan mengenai isu ini. Saya difahamkan, Abd Hamid akan membentangkannya kepada Menteri Besar Selangor Amirudin Shari untuk tindakan lanjut,” katanya.

Sebelum ini, penduduk bimbang projek 100 unit rumah itu didakwa boleh menyebabkan tanah runtuh.

Pengerusi Persatuan Penduduk Ukay Perdana, Zaini Ramli mendakwa, pemaju dipercayai mendapat kelulusan untuk menjalankan projek itu pada 2008 dan pembinaan dikatakan bermula sejak tiga tahun lalu.

“Bagaimanapun, projek terhenti seketika dan kempa-

li dijalankan semula sejak enam bulan lalu. Sepanjang projek itu dijalankan, banyak masalah berlaku termasuk paip pecah dan ‘atap terbang’ akibat penebangan pokok,” katanya.

Menurut Zaini, mereka bercadang membawa perkara itu ke pejabat Perdana Menteri jika tidak mendapat jawapan yang memuaskan daripada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh tiga minggu.

“Kita juga sudah menghantar surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kami harap Menterinya, Zuraida Kamaruddin dapat lihat sendiri bagaimana keadaan cerun di sini supaya kajian semula dapat dijalankan,” katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>05 NOVEMBER 2018 (ISNIN)</b>	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Residents against hillslope development
Muka Surat	04

4 News STARMETRO, MONDAY 5 NOVEMBER 2018

# Residents against hillslope development

Taman Ukay Perdana folk question safety  
of housing project on Class IV slope

By **SHALINI RAVINDRAN**  
shaliniravindran@thestar.com.my

A GROUP of residents have voiced out their protest against a hillslope project in Ampang, which they said went against existing development and planning guidelines.

De Puncak Ukay residents in Taman Ukay Perdana are objecting to an approved housing project on a steep hillslope in their neighbourhood.

It is learned that Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) approved the housing project consisting of 100 superlink houses on a Class IV slope.

Class 1 is the least severe in terms of terrain grading whereby slope angles are less than 15 degrees.

Slopes with angles greater than 35 degrees are classified as Class IV as they pose the highest risk.

De Puncak Ukay Residents Association (DePura) chairman Zaini Ramlee said they planned to bring this matter up to the Prime Minister's Office if they do not receive satisfactory answers from the local authorities within the next three weeks.

"The developers were given approval in 2008 but the work was stopped.

"We have found out that approval for the project was based on the 2008 application.

"How can this be when any development order issued has a two-year time limit?" he said during a peaceful protest.

Currently, he said contractors were doing slope stabilisation work in preparation for the project.

Zaini said safety and maintenance were their primary concerns should the project continue.

"With this kind of topography, building houses will be challenging.

"How can the developers guarantee there will be no landslides or soil erosion that could affect us?" he asked.

Engineer and resident Sabudin Mohd Salleh said under the Selangor Guidelines for Hillside and Highland Areas Development Planning 2010, any further project approvals should be subjected to the latest conditions set under the guidelines.

"MPAJ is subjected to the approval of the Environmental Impact Assessment (EIA) by the Department of Environment for any development on hillslopes.

"They should ensure that contractors comply with and execute all the conditions, including the geotechnical reports," Sabudin said.

MPAJ councillor Suzana Saharudin said she would arrange for a discussion between MPAJ, the developer and residents over the matter.

"I suggested that residents form a task force consisting of those who are knowledgeable about the issue.

"This way, it will be easier for both sides to communicate as it concerns technical aspects of planning," she said.



De Puncak Ukay residents in Ukay Perdana are concerned over the approved housing project that will take place on this steep hillslope in their neighbourhood.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>05 NOVEMBER 2018 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	POLEMIK LAMBAKAN SISA PLASTIK BERACUN
Muka Surat	21-23





RENCANA  
UTAMA

CHING HIN



LAY PING

SHARIFFA  
SABRINA

# Sisa plastik pertaruh nyawa rakyat, negara

Perbuatan kerajaan masih berdolak-dalik berhubung pemberian Lesen Import sisa plastik mencetuskan kekecewaan pejuang alam sekitar.

TANAH lapang yang terbiar di sebuah ladang kelapa sawit di Sungai Rambai, Kuala Langat, Selangor itu tidak pernah mengganggu sesiapa. Ia dibiarkan kosong tanpa apa-apa binaan atau aktiviti ekonomi.

Namun, sejak setahun lalu, kawasan itu mula dipenuhi timbunan sisa plastik. Di lot sebelah tanah lapang itu, sebuah kilang memproses sisa plastik secara tidak sah didirikan. Sisa-sisa plastik dibawa masuk dengan jumlah ribuan tan ke kilang itu untuk dikitar semula. Bahagian plastik yang tidak dikitar semula dilonggokkan ke kawasan lapang itu sehingga ia membentuk dinding sisa

plastik setinggi 10 meter. Aktiviti memproses dan melonggok sampah plastik di kawasan itu mula mendatangkan kesan kepada penduduk sekitar. Bau busuk dihidu hampir setiap malam daripada kilang tersebut selain asap berbahaya dilepaskan ke udara melalui corong-corong kilang.

Kilang di Sungai Rambai itu adalah satu daripada 33 kilang memproses sisa plastik haram di Kuala Langat, Selangor yang tumbuh ibarat cendawan selepas hujan di daerah itu apabila China mula mengharamkan import sisa plastik dunia ke negara tersebut.

Menurut laporan

penduduk, kilang-kilang ini dikuasai oleh warganegara Tembok Besar itu. Ini diakui sendiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian pada sidang akhbar di Kuala Langat Julai lalu.

Isu pencemaran itu turut mendapat perhatian media antarabangsa yang turut turun padang meninjau sendiri lambakan sisa plastik di Kuala Langat.

## Pengecualian

Susulan pembongkaran akhbar *Kosmo!*, kerajaan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil beberapa langkah antaranya membekukan Lesen Import (AP) bagi sisa plastik yang dikeluarkan kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara selama tiga bulan.

KPKT bagaimanapun memberi pengecualian penggantungan AP tersebut bagi pengimportan dari kawasan Zon Perdagangan Bebas (FTZ) dan kilang berstatus Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) pada 16 Ogos.

Alasan yang diberikan ialah penggantungan AP tersebut telah menyebabkan kilang-kilang berkenaan tidak dapat mengeluarkan dan melupus sisa plastik yang dihasilkan daripada proses pengeluaran produk mereka.

Pada 26 Oktober lalu, Menteri KPKT, Zuraida

Kamaruddin mengumumkan untuk menghentikan sepenuhnya pengeluaran AP bagi sisa plastik serta-merta. Namun, keputusan ini ditarik semula pada 1 November dengan AP bahan itu dibenarkan secara bersyarat.

Jelas KPKT, bagi mengawal kemasukan sisa plastik ke negara ini, kerajaan merancang menetapkan kuota kebangsaan bagi memastikan Malaysia tidak menerima sisa plastik secara berlebihan sekiranya ada negara melaksanakan seketan terhadap import plastik.

Sebagai rekod, jumlah import sisa plastik dari tahun 2015 hingga 2017 adalah sebanyak 1.087 juta tan dan berlaku peningkatan ketara berbanding tahun 2016 hingga 2017 berikutan polisi China.

Sikap kerajaan yang dilihat acap kali membuat 'pusingan U' dalam isu ini mengecewakan penduduk Kuala Langat yang berhempas pulas menentang kemasukan sisa plastik ke daerah mereka.

## Salah guna

Presiden Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat, Tan Ching Hin berkata, pada mulanya mereka berasa seakan-akan satu kemenangan kepada persatuan itu selepas kerajaan itu mengharamkan terus AP sisa plastik.

"Selama ini kita berpenat lelah mengumpul maklumat dan bangkit melawan kewujudan kilang-kilang haram ini di daerah Kuala



CHING HIN (kiri) bersama penduduk setempat memeriksa timbunan sisa plastik berhampiran sebuah kilang di Jenjarom, Kuala Langat.

TIMBUNAN sisa plastik yang dilonggokkan berhampiran Jalan Kiang-Banting, Kuala Langat.



**RENCANA UTAMA**

**INFO**

**Proses kitar semula sisa plastik**

- Sisa plastik dikumpul dari pusat pengumpulan sampah. Ia biasanya dimampatkan dalam bentuk kub sebelum dihantar ke kilang kitar semula.
- Proses pengasingan sisa plastik dilakukan mengikut kandungan resin dan warna plastik menggunakan mesin khas.
- Plastik dipotong menjadi kepingan kecil. Serpihan plastik yang berbeza berat dan saiz dipisahkan menggunakan mesin bagi memastikan plastik berbeza tidak bercampur dalam produk akhir.
- Kepingan plastik dibasuh dengan cecair bagi menghilangkan sisa-sisa pencemaran. Kepingan tersebut akan dikeringkan menggunakan haba sebelum dicairkan tanpa merosakkan kepingan.
- Proses ini mengeluarkan asap plastik kemudian dimampatkan kepada bentuk palet seperti manik. Setengah pusat kitar semula pula menghasilkan bahan kitar semula dalam bentuk gentian seperti kapas. Plastik dalam bentuk ini dihantar kepada syarikat pembuat plastik untuk dijadikan botol, jaket, baju dan sebagainya.



SISA plastik dapat dilihat dengan jelas di salah satu lokasi di Kuala Langat.

AHLI Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat menjalankan pemeriksaan di salah satu lokasi pembuangan sisa plastik di Jenjarom.

Langat. Namun, pengumuman AP sisa plastik diteruskan benar-benar mengecewakan mereka.

"Kita tidak pasti sama ada keputusan ini mampu mengekang kewujudan kilang-kilang haram, memandangkan mereka dengan sewenang-wenangnya boleh menyalahgunakan AP seperti yang berlaku sebelum ini," katanya.

Persatuan itu telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu kilang sisa plastik haram yang berleluasa di daerah itu.

Seorang penduduk tempatan, Pua Lay Ping pula berkata, tindakan itu menunjukkan kerajaan secara tidak langsung merelakan Malaysia menjadi tong sampah dunia dengan mengorbankan kesihatan rakyat selain merisikokan pencemaran alam.

"Mungkin Zuraida kurang akreditasinya dalam mengurus isu sisa plastik, dia (Zuraida) harus letak

jawatan kerana sanggup menukar haluan dalam masa lima hari sahaja.

"Kita mahu tindakan yang lebih konkrit daripada sekadar pengeluaran AP yang lebih ketat kerana tiada faedahnya mengimport plastik. Adakah berbaloi membenarkan Malaysia menjadi destinasi sisa plastik dengan risiko rakyat menghidap pelbagai penyakit akibat asap beracun yang dikeluarkan kilang-kilang memproses bahan ini?" katanya.

**Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam**

Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil sebaliknya menyelar tindakan itu sebagai tidak serius dalam menangani isu pencemaran alam sekitar akibat pemprosesan bahan itu.

"Keputusan itu jelas menunjukkan kerajaan tidak sensitif dalam penjagaan udara kerana masih membuka pintu pada kilang-kilang plastik yang ternyata mencemarkan udara," katanya.

"Nilai eksport semula bahan ini tidak mampu membayar balik kerugian

kepada rakyat. Kerajaan Persekutuan masih tidak nampak bahawa industri ini hanya menguntungkan vendor-vendor yang tidak bertanggungjawab," tegasnya.

Tambah Shariffa Sabrina, sehingga kini masih tiada kelibat laporan penilaian impak selepas kes pencemaran di Kuala Langat.

Pihaknya mengesyaki kerajaan cuba menyorokkan impak buruk industri itu dengan hanya mementingkan keuntungan daripada industri.

**Jenis-jenis plastik yang dikitar semula**

Jenis	Polyethylene Terephthalate	High-Density Polyethylene	Polyvinyl Chloride	Low-Density Polyethylene	Polypropylene	Polysterene	Lain-lain
Contoh	botol minuman bekas makanan pakaian	botol cecair cucian jag susu alat permainan	kad kredit paip pelapis wayar	beg plastik balut gelembung penebat kabel	penutup botol straw fiber karpet	cawan plastik kotak telur penyangkut baju	fabrik nilon padat botol bayi
Tahap mudah dikitar semula	mudah	mudah	sangat sukar	boleh diurus	boleh diurus	sukar	sangat sukar
Peratusan daripada sisa plastik global (2015)	11 peratus	14 peratus	lima peratus	20 peratus	19 peratus	enam peratus	24 peratus

\* Sumber: Majalah *National Geographic* edisi Jun 2018L

# Teknologi insinerator lupus sisa plastik

KAEDAH pembakaran menerusi insinerator merupakan cara paling berkesan untuk melupuskan sisa plastik yang diimport ke Malaysia.

**Penyelaras Unit Jaringan dan Industri, Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusoff Ishak** berkata, pembakaran sisa plastik pada suhu tinggi dapat melupuskan bahan tersebut secara total dan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan pengguna. Bagaimanapun, negara ketika ini tidak mampu menggunakan kaedah tersebut kerana kosnya yang tinggi.

"Kita pernah memiliki fasiliti sedemikian di Pulau Tioman, Pahang namun kos untuk menyelenggarakan amat tinggi. Akhirnya sisa-sisa plastik yang dihantar ke sana semakin banyak dan dibiarkan menimbun serta tidak terurus.

"Berbeza pula situasinya di negara-negara lain yang memiliki insinerator berteknologi tinggi seperti Jepun. Mereka mampu membina fasiliti itu di kawasan padat penduduk, malah tidak membahayakan orang



MOHD. YUSOFF

ramai," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Kosmo!* berhubung kewujudan 35 kilang pelupusan sisa plastik di daerah Kuala Langat dengan hanya tiga daripadanya beroperasi secara sah.

Menurut Mohd. Yusoff, antara pilihan lain yang boleh diamalkan pihak berkuasa adalah dengan menghantar sisa plastik itu ke tapak pelupusan sanitari.

"Menimbus sisa plastik adalah kaedah yang boleh diamalkan kerana kita memiliki tapak tersebut.

"Paling penting, apa yang boleh dilakukan kerajaan ketika ini ialah dengan memantau tahap pelepasan bahan cemar daripada kilang-kilang pelupusan sisa plastik sedia ada dan memastikan mereka mematuhi tahap pawaian kesihatan global," katanya.

Opsyen lain, kata beliau, ialah dengan mengurangkan import sisa plastik ke dalam negara dan menggalakkan budaya kitar semula dalam kalangan orang awam.